


ZAINUDDIN MAIDIN



Wira tak Didendang

Sebuah anekdot tanah air dari perspektif seorang wartawan yang menyaksikan sendiri detik-detik penting sejarah dalam pemerosesan dan adakala terlibat secara langsung dengannya

STRATEGI Amerika Syarikat untuk memastikan pergantungan Asia Tenggara ke atasnya menerusi serangan pasaran saham dan modal pada tahun 1997 dengan berselindung di sebalik langkah menyelamatkan IMF terbantut di Malaysia kerana keupayaan kepimpinan negara bertahan dengan strategi kewangan dan ekonomi yang tersendiri.

Strategi pertahanan Malaysia telah menggemparkan dunia dan menimbulkan kemarahan dunia Barat terutama media Amerika Syarikat. Ketika serangan itu berlaku, pemerintah Malaysia berjaya melumpuhkan ejen kuasa besar dunia yang berlindung di sebalik gerakan reformasi yang merupakan kesinambungan campur tangan kuasa-kuasa asing dalam negara ini yang bermula daripada gerakan komunis dunia, pelampau agama, *Malaysian Malaysia* (perkauman Cina) dan sekarang globalisasi.

Zam dalam Bab 1
'Bermaruah Tanpa Berdarah'

Wira
tak
Didandang

ZAINUDDIN MAIDIN

**Wira
tak
Didendang**



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 No. 1 & 3, Jalan 3/91A
 Taman Shamelin Perkasa, Cheras
 56100 Kuala Lumpur
 Tel: 03-92856577
 Fax: 03-92846554/92875763
 e-mel: enquiry@upnd.com.my
 laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 Terbitan Pertama 2004

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zainuddin Maidin, Dato'

Wira tak didendang / Zainuddin Maidin.

ISBN 967-61-1520-7

1. Zainuddin Maidin, Dato'--Anecdots.
2. Communist parties--Malaysia.
3. Malaysia--Politics and government. I. Judul.
959.5051

Dicetak oleh
 LOHPRINT SDN. BHD.
 No. 5, Jalan SR 3/6,
 Taman Serdang Raya,
 43300 Seri Kembangan,
 Selangor Darul Ehsan.



*Pengabdian
tabik hormatku kepada seluruh
wira negara*

PENGHARGAAN

Kepada setiap mereka yang merasa terlibat dalam penghasilan buku "Wira Tak Didendang," saya dengan rasa besar hati menyampaikan penghargaan dan terima kasih.

Khususnya saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai Polis Cawangan Khas yang telah memberikan kerjasama yang sangat berguna bagi memperkukuhkan kredibiliti buku ini.

Buku ini tidak akan sempurna tanpa sumbangan gambar-gambar bersejarah daripada Jabatan Penerangan Malaysia, Arkib Negara dan akhbar-akhbar perdana.

Saya juga ingin menyatakan rasa terhutang budi kepada penerbit dan pengarang buku-buku yang telah menjadi rujukan dan nota kepada tiap-tiap bab di dalam buku ini.

Saya berterima kasih banyak kepada Sabaruddin Ahmad Sabri dan Fauziah Melan yang telah banyak membantu dalam kerja-kerja penyelidikan bahan dan menaip semula naskhah asalnya.

Sesungguhnya catatan penghargaan ini tidaklah setimpal dengan sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak.

Terima kasih
Zam

PRAKATA

Buku ini mencatatkan kembali anekdot sejarah yang telah diketahui umum tetapi diberikan perspektif penulis yang berpeluang menyaksikan sendiri dari dekat pemerosesan beberapa peristiwa malah ada kalanya terlibat secara langsung di dalamnya.

Penulis cuba untuk berkongsi dengan para pembaca denyut nadi semasa yang pernah dirasakannya ketika melalui liku-liku perjalanan yang menebarkan, mengecewakan dan membanggakan.

Tunjang kepada buku ini ialah pada Bab 21 "Wira Tak Didendang" yang menggambarkan peranan di belakang layar para anggota keselamatan khususnya Pasukan Polis Cawangan Khas dalam usaha untuk mencari perdamaian yang terhormat dan bermaruah dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Siri ini yang berasaskan kepada interbiu dengan pegawai-pegawai Polis Cawangan Khas dan penyaksian penulis sendiri adalah sangat bererti kepada penulis kerana peristiwa pertemuan Ketua Menteri Malaya Tunku Abdul Rahman Putra dengan pemimpin-pemimpin Parti Komunis Malaya yang diketuai oleh Chin Peng yang begitu dramatik pada 28 Disember dan 29 Disember 1955 telah mencetuskan minat penulis kepada *journalisme* di usia enam belas tahun.

Dengan takdir Allah Subhanahu Wata'ala lebih 30 tahun kemudian, penulis sebagai wartawan telah menyaksi dan meliputi sendiri majlis menandatangani perjanjian perdamaian antara PKM, Kerajaan Malaysia dan Thai pada 2 Disember 1989 di Hadyai yang menamatkan perjuangan komunis di Malaysia.

Maka itu bab terakhir "Tunku memulakan dan Mahathir menamatkannya" telah ditulis dengan penuh penghayatan dan pengertian.

Pada keseluruhannya, buku ini menggambarkan bahawa kemerdekaan negara telah berjaya kerana pegangannya yang kuat dari awal kepada dasar

yang realistik dan pragmatik serta penolakan terhadap sentimen nusantara yang sempit, sebaliknya percaya kepada masyarakat majmuk, sambil menentang komunisme, chauvinisme, extremismisme dan fanatisme.

Hasrat utama penulisan buku ini ialah supaya generasi baru menyedari formula pembangunan kemerdekaan yang telah berjaya meletakkan kita sebagai suatu bangsa yang bermaruah.

Buku ini juga diharapkan akan dapat menyelamatkan generasi muda dari diselewengkan oleh penulisan dan penceritaan sejarah yang tidak objektif yang didorongkan oleh sentimen ideologi dan sentimen politik kepartian.

Penghayatan sejarah sebenar sangat penting bagi pembentukan masyarakat yang sensitif terhadap anasir-anasir yang boleh sama ada memper-teguhkan atau meruntuhkan negara.

Negara akan terus menghadapi ancaman dari semasa ke semasa. Kedatangannya dalam bentuk yang lebih sofistikated akan lebih menyulitkan untuk dikesan jika kita tidak menghayati sejarah.

Bahaya baru datang dalam bentuk globalisasi yang kebaratan sifatnya. Jaguh demokrasi yang dalunya kita sokong dan kagumi telah bertukar menjadi penceroboh dan penjajah baru.

Di samping itu, perjuangan Nusantara Melayu yang gagal telah bertukar kepada perjuangan Dauliah Islamiyah Nusantara yang ganas dan kejam sifatnya.

Apakah Malaysia akan selamat dalam pertarungan menghadapi kedua ancaman ini dalam masa yang serentak?

Yang akan menyelamatkan kita ialah pegangan terus-menerus kepada nilai-nilai jati diri kita iaitu kepercayaan teguh kepada masyarakat berbilang kaum, toleransi dan penolakan terhadap ekstremisme yang dapat dipelajari, dikenali dan dihayati dari buku ini

Zainuddin Maidin

November 2003

KANDUNGAN

<i>Dedikasi</i>	v
<i>Penghargaan</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
<i>Kandungan</i>	xi
1 Bermaruah Tanpa Berdarah	3
2 Musuh Bersama	9
3 Sejarah Baru	13
4 Kebangkitan Politik	17
5 Ancaman Pelampau	21
6 Janji Komunis	27
7 Perikatan Teruji	31
8 Duri dalam Daging	37
9 Falsafah Tunku	43
10 Seperti Memerangi Komunis	49
11 Saat Ceria	53
12 Sedarah Tak Sejalan	57
13 Kegagalan Indonesia	63
14 Cita-cita Majapahit	67
15 Pembohongan di Baling	73
16 Penghinaan Singapura	77
17 Warisan PAP	83

<i>18</i>	Pemuafakatan Alternatif	87
<i>19</i>	Perpisahan untuk Persahabatan	91
<i>20</i>	Warisan Dato' Onn	95
<i>21</i>	Wira Tak Didendang	101
<i>22</i>	Tunku Memulakan, Mahathir Menamatkannya	121
	Lampiran I	127
	Lampiran II	131
	Lampiran III	143